



The Role of Da'i on the Religiosity of Converts in Johor: A Preliminary Research

Peranan Pendakwah Terhadap Religiositi Muallaf di Negeri Johor: Sebuah Sorotan Awal

Ahmad Zaki Mohamad Malom¹, Intan Farhana Saparudin^{1*}, Shakila Ahmad¹

¹Department of Islamic Studies, Center for General Studies and Co-Curriculum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2022.03.01.003>

Received 29 March 2022; Accepted 20 June 2022; Available online 30 June 2022

Abstract: Da'wah is an important effort in the spread of Islam. Every Muslim individual has the responsibility to carry out the da'wah of Islam through various means according to his ability. The scholars have also outlined guidelines in preaching which is an interpretation of the example of the sunnah of the Prophet SAW and the verses of the Qur'an. Through this da'wah effort, it is also possible to guide individuals whose hearts are softened to embrace Islam and leave other religions. This group is called a convert and belongs to eight categories that receive zakat assistance. The Johor Islamic Religious Council MAINJ sets a person who has just converted to Islam within a period of 10 years as a convert before being recognized as a mukalaf. During this period, various forms of assistance and facilities were provided to the converts to strengthen their ability to continue their Muslim life. However, with all forms of assistance provided, there are converts who are involved in social problems, crime, emotional stress and apostasy applications that reflect the inability to lead a Muslim life. Religious life or religiosity is very important in one's life and exerts a great influence on one's personality, actions and way of thinking. This situation raises the question of what is the role of the preacher on the level of religiosity of the convert and where is the level of religiosity of the convert at present. Based on these questions, this study was conducted by identifying the role of preachers towards converts and studying the appropriate measurement of religiosity for converts in Johor. This study is a qualitative study using content analysis method on the highlights of previous work. The findings of the study clarify the role of preachers and show the Muslim Religiosity Model, which is used as the basis for building an inventory of Muslim religiosity-personalities is suitable for use to converts by adhering to the basic principles in measuring religiosity. These findings can be used as a guide in studies related to the measurement of the religiosity of converts.

Keywords: Preacher, religiosity, convert, Islamic Religiosity Model

Abstrak: Dakwah merupakan usaha penting dalam penyebaran agama Islam. Setiap individu Muslim mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan dakwah Islam melalui pelbagai cara mengikut kemampuan dirinya. Para ulama juga telah menggariskan panduan dalam berdakwah yang merupakan interpretasi daripada tauladan sunah Rasulullah SAW dan ayat al-Quran. Melalui usaha dakwah ini juga dapat membimbing individu yang dilembutkan hatinya untuk memeluk agama Islam dan meninggalkan agama lain. Golongan ini digelar sebagai mualaf dan tergolong dalam lapan kategori yang menerima bantuan zakat. Majlis Agama Islam Negeri Johor MAINJ menetapkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dalam had tempoh selama 10 tahun sebagai mualaf sebelum diiktiraf sebagai mukalaf. Selama tempoh ini juga, pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan diberikan kepada golongan mualaf untuk memperkukuhkan kebolehpayaan mereka bagi meneruskan kehidupan beragama Islam. Namun begitu, dengan segala bentuk bantuan yang diberikan, terdapat golongan mualaf yang terlibat dalam masalah gejala sosial, jenayah, tekanan emosi dan permohonan murtad yang menggambarkan ketidakmampuan melaksanakan kehidupan beragama Islam. Kehidupan beragama atau religiositi adalah amat penting dalam kehidupan seseorang dan memberi pengaruh yang besar terhadap personaliti, tindakan dan cara berfikir. Situasi ini mewujudkan persoalan mengenai apakah peranan pendakwah terhadap tahap religiositi mualaf dan di manakah tahap religiositi mualaf tersebut pada masa kini. Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini dilaksanakan dengan mengenal pasti peranan pendakwah terhadap mualaf dan mengkaji pengukuran religiositi yang sesuai bagi golongan mualaf di Johor. Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap sorotan karya terdahulu. Dapatan kajian menjelaskan peranan pendakwah dan menunjukkan Model Religiositi Muslim, yang digunakan sebagai dasar pembinaan inventori religiositi-personaliti Muslim adalah sesuai untuk digunakan kepada golongan mualaf dengan mematuhi prinsip-prinsip asas dalam pengukuran religiositi. Dapatan ini boleh dijadikan panduan dalam kajian yang berkaitan pengukuran religiositi mualaf.

Kata kunci: Pendakwah, religiositi, mualaf, Model Religiositi Muslim

1. Pendahuluan

Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan satu badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam mentadbir pengurusan pengislaman mualaf di dalam negeri secara rasmi. Antara agensi lain yang terlibat secara langsung dalam usaha dakwah golongan mualaf di Johor ialah Persatuan Kebajikan Islam Malaysia PERKIM, Malaysian Chinese Muslim Association MACMA, Hidayah Centre Foundation HCF, dan Waqaf An-Nur Corporation WanCorp. Setiap agensi ini memainkan peranan sebagai pendakwah terhadap golongan mualaf dengan menyediakan pelbagai program dan pendekatan.

Pada masa kini, semakin ramai orang yang memeluk agama Islam di negeri Johor. Sebagaimana dalam rekod Jabatan Agama Islam Negeri Johor sendiri membuktikan peningkatan melalui data pengislaman Mualaf pada tahun 2018 menunjukkan seramai 755 orang mualaf telah memeluk Islam kemudian pada tahun 2019 seramai 816 orang. Hal ini kerana usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan oleh agensi-agensi dan jabatan agama Islam sendiri yang prihatin menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat umum hingga ke pedalaman. Tidak dinafikan juga kebanyakan golongan mualaf ini mereka melalui pelbagai cabaran dan dugaan dalam meneruskan kehidupan dengan persekitaran yang baharu serta meninggalkan segala kepercayaan yang bertentangan dengan Islam yang telah mereka percayai sebelum ini. Oleh itu Jabatan agama Islam dan beberapa agensi bukan kerajaan berusaha menyediakan kemudahan bimbingan dan bantuan bagi memelihara golongan mualaf ini dari segi pengajian agama dan juga taraf hidup. Semua ini menunjukkan bahawa usaha untuk memberi manfaat kepada golongan mualaf adalah sesuatu yang penting dan amat perlu diambil berat bagi memastikan umat Islam yang bertambah ramai turut berkualiti dan dapat menjadi ejen dakwah yang akan sama-sama memberi sumbangan kembali kepada umat Islam daripada pelbagai sudut.

Bagi memastikan kesinambungan pengislaman para mualaf, Jabatan Agama Islam Negeri Johor JAINJ telah menetapkan had tempoh mualaf selama 10 tahun atas pertimbangan untuk memberi pelbagai bantuan kepada golongan mualaf sebagai asnaf di bawah agihan zakat negeri. Selama tempoh ini juga, agensi-agensi dakwah yang lain turut memainkan peranan mereka bagi memperkasakan jati diri Muslim dalam kalangan mualaf. Sebagai contoh, WanCorp menyediakan kelas ibadah solat dalam bahasa Mandarin secara atas talian kepada mualaf berbangsa Cina (Ridhuan, 2020). Tambahan lagi, menurut Zamri (2020), Jabatan agama Islam Negeri Johor telah menetapkan bahawa bantuan pendidikan diberikan kepada golongan mualaf tanpa ada had tempoh bagi mendorong para mualaf untuk lebih mendalami Islam. Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah menyediakan peruntukan yang besar pada setiap tahun kepada Jabatan Agama Islam Negeri Johor untuk diagihkan kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan usaha dakwah dan pembangunan mualaf di negeri Johor.

Namun begitu, timbul persoalan berkenaan sejauh manakah tahap religiositi para mualaf di negeri Johor setelah disediakan begitu banyak bantuan dan pengajian. Ini kerana menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Johor menyatakan penglibatan mualaf kurang memuaskan terhadap program-program yang

disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Sebagai contoh, JAINJ telah menyediakan program bantuan pendidikan yang memberi peruntukan khas untuk menanggung kos para mualaf melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Namun begitu, sehingga kini tidak ada lagi mualaf yang memanfaatkan peluang ini.

Dari sudut emosi dan akhlak pula, para mualaf telah mendapat tarbiyah dan juga didikan daripada institusi dan agensi pembangunan mualaf di sepanjang tempoh had mualafnya. Para mualaf telah diajarkan tentang persediaan menghadapi cabaran dan liku kehidupan dengan tenang bersandarkan kepada Allah SWT sebagai pemilik alam semesta ini. Namun akhbar Sinar Harian (2019), melaporkan bahawa terdapat mualaf yang mengalami tekanan perasaan yang teruk hingga menyebabkan penyakit mental. Hal ini menunjukkan wujud isu dalam penghayatan konsep keimanan pada qada' dan qadar dalam kalangan mualaf hingga menyebabkan mereka mengalami tekanan melampau tatkala menghadapi cabaran.

2. Metodologi

2.1. Peranan Pendakwah

Peranan pendakwah dapat dilihat berdasarkan surah al-Ahzab dari ayat 45 hingga 48 yang telah dikategorikan sebagai ayat yang menceritakan tentang peranan dan tugas Rasulullah SAW.

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ٤٥ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ٤٦ وَبَشِيرَ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُمْ مِنَ اللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ٤٧ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ وَدَعْ أَذُنَهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا ٤٨

Maksudnya: Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi. Dan (dengan itu) sampaikanlah berita yang mengembirakan kepada orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya mereka akan beroleh limpah kurnia yang besar dari Allah. Dan janganlah engkau menurut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafik dan janganlah engkau hiraukan usikan dan celaan mereka, serta berserahlah kepada Allah (memelihara keadaanmu); dan cukuplah Allah menjadi Pelindung (yang menyelamatkanmu).

Ini kerana pendakwah merupakan pewaris nabi yang menggalas tugas meneruskan perjuangan dakwah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Oleh itu perintah yang disampaikan kepada nabi Muhammad SAW dalam ayat-ayat ini turut diwarisi dan menjadi amanah serta panduan kepada sekalian pendakwah (Said al-Qahtani, 1994). Berdasarkan ayat tersebut dapat dirumuskan bahawa terdapat enam peranan yang dimainkan oleh Rasulullah SAW ketika melaksanakan tugas dakwah yang perlu diikuti oleh para pendakwah iaitu:

- Nabi sebagai saksi
- Nabi sebagai pembawa khabar gembira
- Nabi sebagai pemberi amaran
- Nabi sebagai penyeru manusia kepada Allah
- Nabi sebagai pelita yang menerangi
- Nabi sebagai pembawa syariat tanpa menuruti kemahuan orang kafir dalam hal agama.

Sebagai penjelasan, peranan yang pertama iaitu pendakwah berperanan sebagai saksi. Ia merujuk kepada pendakwah adalah saksi kepada sasaran dakwahnya. Sebagaimana yang disebutkan dalam Tafsir al-Azhar mengenai hal ini iaitu Rasulullah SAW akan mengemukakan kesaksian bahawa perintah Allah SWT telah disampaikan tanpa mengurangi satu huruf ataupun menambah satu huruf dari keinginan dirinya sendiri. Tafsir Ibnu Katsir juga menjelaskan mengenai pensaksian yang akan dilakukan oleh Rasulullah terhadap tindakan umatnya yang melakukan ketataan atau mengingkari apa yang disampaikan oleh Baginda. Jika dilihat dalam ruang dakwah kepada golongan mualaf, para pendakwah akan menjadi saksi bahawa seruan Islam telah disampaikan kepada mualaf hingga mereka memeluk agama Islam dan mengamalkan ajarannya. Menurut Ahmad Mushthafa Al-Maraghi (1989), Seorang pendakwah perlu mengenali peribadi dan tingkah laku sasaran (dan di sini apa yang difokuskan adalah mualaf sebagai sasaran tersebut) kerana pendakwah bertanggungjawab untuk mengajak kepada kebaikan dan meninggalkan segala larangan. Para pendakwah perlu menyampaikan seruan agama semampunya menurut bidang pengetahuannya. Ini kerana pendakwah akan bersaksi kepada Allah SWT bahawa mereka telah menyampaikan seruan dakwah mengikut daya dan kemampuan mereka ke atas diri para mualaf. Hal ini juga bersesuaian dengan penjelasan Yusuf Qardhawi (2000) mengenai tanggungjawab menyebarkan ilmu dan tidak boleh menyembunyikannya.

Seterusnya mengenai peranan kedua bagi Rasulullah SAW adalah pembawa khabar gembira. Tafsir Ibnu Katsir dan Tafsir al-Munir mempamerkan hadis yang membicarakan tentang sifat Rasulullah SAW yang terkandung dalam kitab Taurat dan turut disebutkan dalam al-Quran. Baginda diperincikan sebagai seorang yang tidak bersikap keras dan tidak membalas kejahatan dengan kejahatan, tetapi Baginda memaafkan dan mengampuni (Riwayat Bukhari dalam kitab al-

Buyu', nombor hadis 2125). Para pendakwah turut berperanan sebagai pembawa khabar gembira kepada sasaran dakwahnya. Dalam konteks dakwah kepada muallaf, pendakwah perlu menyampaikan khabar gembira mengenai nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah SWT kepada para muallaf sebagai ganjaran melakukan ketaatan. Menurut Hamka (1982), penyampaian para pendakwah yang sering menggambarkan kesukaran dan menakutkan apabila seseorang bertanya tentang soal agama perlu diperbaiki dengan membawakan khabar gembira dan kesenangan. Ia secara tidak langsung menjadi satu pendorong semangat untuk para muallaf untuk terus melakukan ketaatan dalam agama. Bagi sasaran dakwah yang telah melakukan kesilapan dan dosa, menjadi tanggungjawab para pendakwah untuk menceritakan kepada mereka betapa Allah SWT menyukai mereka yang bertaubat dan akan mengampuni mereka. Hal ini terutama kepada golongan muallaf yang menyesali akan kehidupan lalu mereka dapat menimbulkan satu pengharapan kepada muallaf agar tidak berputus asa dalam mengharapkan rahmat Allah SWT.

Kemudian pendakwah turut berperanan sebagai pemberi amaran atau ancaman. Secara umumnya amaran dan ancaman yang dibawa oleh para pendakwah adalah bersesuaian dengan anjuran ajaran Islam yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW. Amaran yang diberikan ialah seperti kerugian yang akan diterima oleh golongan yang tidak mahu mentaati perintah Allah SWT dan melakukan perkara yang dilarang supaya para muallaf berasa gentar untuk melakukan kemaksiatan. Manakala ancaman balasan buruk diberikan kepada golongan yang tidak mahu menerima kebenaran dan mempersekutukan Allah SWT serta menzalimi sesama makhluk. Sebagaimana disebutkan dalam tafsir al-Azhar mengenai hal ini, orang yang berbuat dosa besar secara berterusan dan tidak pernah bertaubat. Maka berita ancamanlah yang akan mereka terima. Menurut Abdullah Muhammad Zin (1998), tindakan memberi ancaman ini juga termasuk dalam cara berdakwah dengan hikmah kerana ia juga merupakan satu keperluan bergantung kepada kesesuaian perilaku sasaran dakwah.

Peranan yang keempat ialah pendakwah menyeru manusia ke jalan Allah. Pendakwah bertanggungjawab menyeru kepada jalan Allah SWT agar manusia dapat mengakui kebenaran agama Islam dan meninggalkan perbuatan menyembah dari yang selainNya. Usaha ini perlu dilakukan agar sasaran dakwah tidak terus tinggal dalam kesesatan. Dalam situasi dakwah kepada golongan muallaf, mereka yang baru memeluk Islam ini perlu diajak bersama dalam melaksanakan kewajipan dan ketaatan supaya mereka kekal di atas landasan yang benar. di samping itu, seruan yang berterusan juga dapat memastikan golongan muallaf bukan sahaja dapat melaksanakan kewajipan beribadah bahkan melakukan transaksi muamalat yang bertepatan dengan syariat Islam. Namun begitu, jika dilihat pada ayat 46 surah al-Ahzab ini disebutkan juga dalam terjemahan Tafsir al-Azhar "dengan IzinNya" atau dalam terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman "dengan taufikNya" menunjukkan usaha menyeru kepada jalan Allah adalah satu usaha yang dipertanggungjawabkan kepada nabi dan para pendakwah tetapi urusan mengenai hasil daripada seruan tersebut sama ada sasaran dakwah mengikuti atau tidak itu bergantung kepada izin Allah SWT untuk memberikan mereka taufik ataupun tidak.

Seterusnya peranan pendakwah pada hujung ayat 46 surah al-Ahzab ialah sebagai pelita yang menerangi. Rasulullah membawa risalah agama Islam yang memberi rahmat kepada sekalian alam memberi petunjuk jalan keluar daripada kegelapan kepada cahaya keimanan. Tafsir al-Azhar turut menjelaskan sikap Rasulullah SAW dalam usaha dakwahnya, Baginda bagaikan suar di tengah lautan memberi petunjuk bagi kapal-kapal yang berlayar disamudera kehidupan. Begitu juga para pendakwah yang dapat membimbing sasaran dakwahnya kepada kebenaran fitrah penciptaan manusia seperti yang disebut dalam surah al-Zariyat ayat 56 yang bermaksud: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Tafsir al-Munir pula menjelaskan pengibaratan Rasulullah SAW sebagai pelita memberi pengertian bahawa Baginda adalah jelas, nyata, tiada kesamaran atau keselindungan. Oleh itu para pendakwah perlu sentiasa melaksanakan dakwah secara jelas dan tidak sulit untuk difahami agar mudah menjadi ikutan dan difahami para sasaran dakwah. Dalam ruang dakwah muallaf, para pendakwah merupakan contoh ikutan yang paling hampir dengan mereka. Oleh itu sikap dan tauladan yang baik perlu dipaparkan kepada golongan muallaf sama ada dalam urusan rasmi mahupun tidak rasmi.

Peranan pendakwah yang keenam berdasarkan ayat ke 48 surah al-Ahzab ialah pendakwah perlu membawa syariat Islam dengan benar tanpa berkrompomi dengan kemahuan orang kafir dalam hal agama. Ayat ini mendorong para pendakwah untuk bersikap tegas dan teguh ketakwaan kepada Allah SWT ketika menyampaikan ajaran Islam agar tidak terpengaruh dengan pujukan atau permainan orang kafir dan munafik. Apabila ditelusuri lagi, ayat ini menjelaskan perintah Allah SWT supaya para pendakwah perlu mengenenpikan gangguan yang mendatang dalam usaha dakwah dan terus cekat menyampaikan dakwah serta bertawakal kepada Allah SWT sebagai sebaik-baik pemberi perlindungan. Dalam situasi pengurusan muallaf, pendakwah perlu cekat dalam mendekati muallaf tanpa mengalah dengan segelintir sikap muallaf yang bermasalah. Menurut Mustafa Masyhur, (1994) Sesungguhnya peranan dakwah merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dijalankan secara berterusan dan sedia mengorbankan masa, tenaga, harta benda dan semua yang dimilikinya demi meneruskan masa depan perjalanan dakwah Islam. Usaha ini perlu dijalankan bagi memastikan para muallaf dapat memperoleh kefahaman yang baik dalam pengajian Islam dan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang Muslim. Hasil daripada usaha para pendakwah inilah yang akan membantu meningkatkan lagi tahap religiositi para muallaf.

2.2. Pengertian Religiositi

Religiositi dari perspektif Islam merujuk kepada suatu istilah yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai *al-Din* atau tatacara hidup. Ia bergantung kepada sejauh mana ajaran Islam itu dihayati dalam kehidupan seseorang

bergantung kepada setinggi mana keimanan seseorang yang dibahagikan kepada tiga elemen iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Dengan itu konsep penghayatan Islam dapat difahami dengan lebih jelas melalui istilah *Din* itu sendiri yang menjadikan ajaran Islam secara keseluruhan sebagai tatacara kehidupan *hayyah mutadayyinah* yang sempurna dan memperoleh redha Allah SWT. Hal ini jelas menunjukkan perkaitan iman, agama dan akhlak yang dilahirkan daripada kedua-duanya (Azma, 2006). Religiositi atau kehidupan beragama amat penting di dalam kehidupan manusia kerana religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkahlaku, personaliti (Raba, 2001), ketenangan emosi (Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Islam menawarkan penyelesaian terbaik kepada permasalahan semasa kerana ajaran Islam bersifat stabil dan dinamik. Sehubungan itu, pengukuran religiositi juga merupakan perkara yang penting. Namun, pengaplikasian dan keberkesanan ajaran tersebut tidak dapat diukur kerana bilangan alat ukuran religiositi Muslim yang berkualiti adalah terhad dan kebanyakan alat ukuran religioiti adalah daripada perspektif ajaran Kristian (Manap, 2005; Almarri *et al.*, 2009 dan Kamil *et al.*, 2012). Menurut Idris *et al.* (2012), literatur dalam bidang pengukuran psikometrik religiositi Muslim adalah terhad. Ini mengakibatkan terdapat penyelidik yang mengadaptasikan alat ukuran konvensional yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam dalam kajian mereka.

2.3. Konsep Mualaf

Mualaf di dalam kamus Dewan bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru. (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010). Majlis Agama Islam Negeri Johor pula menyatakan mualaf sebagai mereka yang hatinya baru berjinak-jinak dengan agama Islam dan mendapat hidayah menganuti Islam supaya mereka merasakan adanya tempat bergantung bagi menghadapi cabaran yang mendatang. Sheikh Idris al-Marbawi memberi pengertian gelaran mualaf sebagai gelaran bagi orang yang baru memeluk agama Islam. Perkataan mualaf ini berasal daripada perkataan *alifa*, *ya' lifu*, *ilfan*. *Alifahu* pula bermaksud menggemari atau menyukai atau berjinak-jinak. Manakala *allafa baynahum* pula bermaksud memperkasihkan di antara mereka (Al-Marbawi, t.th). Manakala ayat Al-Quran yang menyebut secara khusus berkaitan mualaf hanya disebut sekali di dalam al-Quran surah al-Tawbah ayat 60 yang menggambarkan kelompok baru memeluk agama Islam.

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَّاتِ فُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠﴾

Maksudnya: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha bijaksana. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Nur Kareelawati Abd Karim (2005), mentakrifkan mualaf adalah kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keIslaman mereka. Mualaf juga dimaksudkan sebagai segolongan manusia yang kufur kemudian memeluk Islam dengan mengucapkan dua kalimah syahadah (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao 2007).

Para ulama mazhab Syafie turut membuat perincian mengenai pentafsiran asnaf mualaf. Mazhab ini menegaskan bahawa mualaf terdiri daripada orang yang telah menganut agama Islam sahaja. Berdasarkan pandangan dalam mazhab Syafie, mualaf ialah orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam (Al-Syafie, t.th). Pentafsiran ini menunjukkan, golongan mualaf terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Mereka ini diberikan zakat untuk menguatkan lagi pegangan mereka terhadap Islam. Mereka ini diberikan zakat untuk menguatkan lagi pegangan mereka terhadap Islam. Ia terbuka kepada semua umat Islam tanpa ada batasan masa sama ada mereka masih baru memeluk Islam atau menganutinya semenjak kecil lagi kerana dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga Islam. Pentafsiran mualaf yang terbatas untuk golongan Muslim semata-mata memberikan isyarat awal bahawa golongan kafir dan musyrik tidak layak untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf mualaf. Perkara ini ditegaskan lagi dengan kenyataan Imam Syafie bahawa hukum memberikan zakat kepada musyrik atau kafir dengan tujuan supaya dia memeluk Islam adalah tidak dibenarkan. Walaupun terdapat fakta bahawa Nabi SAW memberi sedikit harta kepada beberapa musyrikin pada tahun berlakunya Peperangan Hunain iaitu tahun kelapan Hijrah (al-Buti, 1991) untuk melembutkan hati mereka, namun pemberian itu sebenarnya melalui peruntukan harta fay' dan harta peribadi Nabi SAW sendiri dan bukanlah daripada harta zakat. Hal ini dikuatkan lagi dengan sabda baginda kepada Mu'az sebelum dia dihantar ke Yaman bahawa harta zakat yang dikutip daripada penduduk Muslim Yaman hendaklah diagihkan di kalangan mereka sendiri yang telah melakukan janji setia dan bukan kepada orang yang membelakangi atau menentang mereka (Al-Syafie, t.th).

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, status mualaf diberikan kepada seseorang yang baru memeluk agama Islam selama tempoh 10 tahun. Maka selepas daripada tempoh tersebut, golongan ini dianggap sebagai mukalaf yang telah bertanggungjawab atas segala syariat yang diwajibkan ke atas dirinya. Al-Zarkashi (1413H) menjelaskan bahawa mukalaf adalah seseorang yang dituntut untuk melaksanakan sama ada perintah dan larangan atau pilihan untuk melakukannya. Mukalaf mestilah merupakan individu yang telah baligh, berakal dan sampai dakwah serta

mempunyai kemampuan melaksanakan sesuatu yang ditaklifkan ke atasnya. Al-Ghazali (t.th) dari mazhab Syafie pula meletakkan syarat mukalaf adalah berakal dan faham *khitab* (tuntutan). Ibn Qudamah (1993) dari mazhab Hanbali, syarat menjadi mukalaf masih sama. Beliau menambah, walaupun kanak-kanak yang belum *mumayyiz* boleh memahami sesuatu perkara, ia tidak akan sama dengan muslim yang mempunyai akal yang sempurna. Para ulama kontemporari turut bersetuju dengan dua syarat utama yang telah disebutkan oleh para ulama terdahulu, iaitu cukup *ahliyyah* dan memahami dalil sesuatu taklif, sama ada suruhan atau larangan (Wahbah al-Zuhaili, 1986). Kesimpulannya, majoriti ulama mazhab dan fuqaha kontemporari menyatakan bahawa syarat sah mukalaf ialah berakal, baligh dan faham akan tuntutan taklif sebagaimana Rajah 1.


Berakal + Baligh + Faham = Mukalaf

Rajah 1 - Syarat sah mukalaf

Oleh itu, para mualaf di negeri Johor diberikan kemudahan pengajian agama Islam di Pertubuhan Kebajikan Saudara Kita PKSK di setiap daerah dalam negeri Johor bagi memastikan mereka memperoleh kefahaman mengenai agama Islam. Ia adalah satu usaha bagi melengkapkan diri mualaf supaya dapat menjadi seorang muslim yang mukalaf seusai tempoh 10 tahun yang ditetapkan.

3. Model Religiositi Muslim

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa terdapat Model Religiositi Muslim oleh Krauss, 2005 yang amat sesuai dijadikan panduan dalam pembinaan pengukuran religiositi Muslim di kalangan mualaf. Ia dapat dilihat seperti Rajah 2.



Rajah 2 – Model Religiositi Muslim

Model religiositi Muslim yang telah dihasilkan oleh Krauss, 2005 adalah sesuai untuk diguna pakai dalam membina instrumen pengukuran tahap religiositi Muslim. Namun menurut Jamiah *et al.* (2013) ia perlu mematuhi prinsip-prinsip dalam pengukuran religiositi dan personaliti Muslim sebagaimana yang telah diperolehi daripada pendapat para ilmuwan Islam seperti berikut:

- Hukuman atau penilaian berasaskan perkara yang terzahir sahaja.
- Pengukuran religiositi daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun penilaian sebenar adalah di sisi Allah SWT.
- Asas pengukuran adalah manifestasi iman, Islam dan Ihsan
- Iman perlu dibuktikan dengan amalan
- Penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia
- Simbol yang mempunyai perkaitan dengan religiositi tidak semestinya mempunyai interpretasi yang sama bagi individu yang berbeza
- Piawai pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah Al-Quran dan sunah

Hasil daripada model dan prinsip pengukuran religiositi Muslim ini, penyelidik mendapat satu gambaran awal dalam pembinaan instrumen pengukuran tahap religiositi Muslim yang sesuai untuk diadaptasikan kepada golongan muallaf. Kesemua aspek-aspek utama dalam pembinaan religiositi Muslim telah dirangkumkan dalam satu model yang boleh digunakan sebagai panduan pembinaan instrumen kajian kepada golongan muallaf. Penyelidik telah mengadaptasi model tersebut dan membina instrumen mengikut kesesuaian muallaf. Ia juga merupakan apa yang dapat difahami daripada hadis nombor 8 dalam Sahih Muslim mengenai Jibril yang mendatangi Rasulullah SAW dan bertanyakan tentang Iman, Islam dan Ihsan. Ia dapat dilihat seperti Jadual 1.

Jadual 1 - Instrumen pengukuran religiositi muallaf di Johor

Bahagian	Kriteria	Instrumen
Iman	Akidah	<ul style="list-style-type: none"> • Rukun Iman • Sifat 50
Islam	Syariat	<ul style="list-style-type: none"> • Rukun Islam • Muamalat • Munakahat • Ibadat • Jenayah
Ihsan	Akhlak	<ul style="list-style-type: none"> • Interaksi dengan Tuhan • Interaksi dengan makhluk

Rangkuman daripada perkara di atas akhirnya dapat memaparkan asas utama dalam pembinaan religiositi Muslim dan instrumen yang sesuai untuk digunakan kepada golongan muallaf bagi mengukur tahap religiositi mereka sebelum melangkah ke status mukalaf. Ia juga selari dengan konsep asas religiositi Islam yang dikemukakan oleh Rafiza (2013). Instrumen yang dibina menekankan sifat 50 yang meliputi sifat wajib, harus dan mustahil bagi Allah SWT dan Rasulullah SAW kerana ia merupakan pendekatan pengajian akidah yang ditekankan dalam silibus modul pengajian akidah muallaf di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

4. Penutup

Berdasarkan perbincangan yang telah dibawakan dalam penulisan ini. Dapat dirumuskan bahawa para pendakwah perlu menghayati dan mengamalkan peranan mereka sebagai pewaris nabi dalam usaha memperluas dan memperkukuh kefahaman dan pengamalan umat Islam terutama golongan muallaf. Mengenai perbincangan religiositi muallaf sebelum tamat had tempoh 10 tahun sebagai muallaf di Johor juga boleh dijalankan kajian lanjut menggunakan instrumen pengukuran religiositi muallaf di Johor yang telah dibentangkan dalam penulisan ini supaya pihak berkuasa dapat memastikan golongan muallaf ini benar-benar dapat mencapai status mukalaf selepas tamat tempoh 10 tahun sebagai muallaf.

Perakuan

Bahawasanya artikel ini ditulis berdasarkan penyelidikan yang dibantu melalui dana Geran Penyelidikan Pascasiswazah (GPPS), di bawah Projek H736, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Abu Abullah Muhammad al-Bukhari, Sahih Bukhari, No. Hadis: 2125.
- Abu Husain Muslim, Sahih Muslim, No. Hadis: 8.
- Abullah Muhammad Abdurahman Ishaq. (2004). Tafsir Ibnu Katsir, Jilid 6, (Terj), M. Abdul Ghoffar E.M & Abu Ihsan al-Atsari, Bogor: Pustaka Imam Asy-Ayafi'i.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1984). Tafsir al-Azhar, Surabaya: Yayasan Latimojong.
- Abdullah Muhamad Basmeh. (1990). Tafsir Pimpinan al-Rahman, Bahagian Hal Ehwal Islam Janatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur: Utusan Print Corp Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin. (1998). Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mushthafa Al-Maraghi. (1989). Tafsir Al-Maraghi 22. (Terj), K. Anshori Umar Sitanggal, Semarang: Penerbit Toha Putra, h. 29
- Al-Marri, T. S. K., Oei, T. P. S., & Al-Adawi, S. (2009). The development of the short Muslim practice and belief scale. *Mental Health, Religion and Culture*, 12, (5), 415-426. doi:10.1080/13674670802637643.
- Al-Qardawi, Y. (1993). "Pengertian Tauhid." Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Azma Mahmood, (2006). Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka. (1997). Tasawuf Moden. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Irwan, M. S., Azman, A. R., Mahazan, A. M., Nuradli Ridzwan Shah, M. D., Wan Mohd. Fazrul Azdi, W. R., Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad & Norlina Ismail, (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia. *Jurnal Infad*, vol 6.
- Jamiah Manap, et.al (2013). Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassan, H. (2002). Kesihatan jasmani dan rohani sebagai asas kejayaan menurut Islam. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md. Buranuddin Tibek. (2015). Modul Bimbingan Saudara Kita "Akidah", Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor.
- Mustafa Masyhur (2004), Jalan Da'wah Antara Keaslian dan Penyelewengan. (Terj.) Mohd. Yusuf Ismail, Cet. Keempat, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar, h. 107.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao; Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* vol 2.
- Rafiza Mohamed. (2013). Tret Personaliti dan Religiositi gelandangan Muslim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah (PRIAS). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said bin Ali Al-Qahtani. (1994), Da'wah Islam Da'wah Bijak. (Terj) Masykur Hakim, Jakarta: Penerbit Gema Insani Press, h. 97.
- Sayid Sabiq. (2004), Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman. (Terj) M. Abdai Rathomy, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Selamat, M.I. (1996). Sifat-sifat Allah dan Mentauhidkan Diri Kepada-Nya. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Wahbah az-Zuhaili, (2003) Tafsir al-Munir, Jakarta: Gema Insani.
- Yusuf al-Qardhawi. (2000), Tazkirah Para Pendakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah Publishers, h. 10.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Nor Salimah Mansur. (2010). Dimensi Penghayatan Agama Mengikut Pendapat Tokoh Agama Semasa, *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jilid 13, Jun, h.37-56.
- <https://www.maj.gov.my/agihan/takrif-asnaf>